

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI



BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Fasal (2) perkara 107, Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti/Jabatan Tahun 2019 Siri 2 telah dibentangkan pada 7 Disember 2021. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Perlis Tahun 2020 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis pada 30 Mac 2022.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Bagi tempoh 1 September 2021 hingga 31 Ogos 2022, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah bermesyuarat sebanyak satu kali iaitu pada 20 September 2021. Perkara yang dibincangkan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERKARA YANG DIBINCANGKAN DALAM
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PERLIS

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI NEGERI	PERKARA
1.	20 September 2021	- Jabatan Pertanian Negeri Perlis - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis - Jabatan Perhutanan Negeri Perlis	LKAN 2019 Siri 1 – isu-isu berkaitan pengauditan prestasi yang dijalankan terhadap Pengurusan Pusat Pelancongan Negeri Perlis melibatkan tiga jabatan negeri Perlis.

Sumber: Jabatan Audit Negara

